

Guna bahasa Melayu terbukti berkesan

Persatuan saran kerajaan ambil kira kegagalan, dasar bakal wujud jurang pencapaian pelajar di luar bandar

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Suzalina Halid, Ilah Hafiz Aziz, Norzamira Che Noh dan Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan semula Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang terbukti gagal di antara 2003 hingga 2012 yang lalu, dikhuatiri menyebabkan murid terutama di luar bandar, kurang berminat terhadap dua mata pelajaran tersebut.

Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (iGuru), Mohd Azizee Hasan, menegaskan pembelajaran dan pengajaran sains dan matematik melalui bahasa Kebangsaan terbukti lebih berkesan berbanding penggunaan bahasa Inggeris.

"iGuru menyokong usaha mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris di sekolah sebagai persediaan menghadapi dunia pasaran kerjaya, tetapi menyangkal faktor pengangguran disebabkan ketidakupayaan penguasaan bahasa berkenaan.

"Langkah Kementerian Pendidikan melaksanakan PPSMI pada tahun 2003-2012 merosakkan masa depan hampir 3 juta murid, terutama anak Melayu luar bandar hingga usaha meramaikan nisbah penguasaan bidang sains dan matematik tidak mencapai nisbah 60:40," katanya.

Mohd Azizee berkata, kegagalan PPSMI yang lalu juga terbukti dalam penarafan ujian antara-bangsa iaitu Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antara-bangsa (TIMSS) apabila menjunam hampir 100 mata di bawah purata dunia pada 2007 dan 2011, selain pencapaian Malaysia turut merosot bagi Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA).

"iGuru menggesa Perdana Menteri mengambil kira kegagalan PPSMI dan mencari langkah terbaik memastikan murid menguasai bahasa Inggeris dengan pendekatan yang lebih berkesan dan produktif.

"Menjadikan sains dan matematik sebagai sasaran bukan jalan penyelesaian terbaik, tetapi menyiapkan murid yang mempunyai kompetensi penguasaan pelbagai bahasa, termasuk bahasa Inggeris, adalah jalan membina laluan kerjaya masa depan, selaras apa yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia," katanya.

Presiden Gabungan Intelektual Pendidikan Guru Se-Malaysia (GENIUS), Dr Mohd Azizi Mohd Din, berkata pelaksanaan semula PPSMI bakal mewujudkan jurang lebih besar dalam pencapaian pelajar bandar dengan luar bandar kerana persekitaran mesra bahasa Inggeris yang dilihat mampu menyokong PPSMI di sekolah.

Beliau berkata, pelajar di luar

bandar yang akan dibeban dalam dua aspek utama pembelajaran iaitu kesukaran menguasai bahasa dan kesukaran memahami konsep matematik dan sains itu sendiri.

"Kita menghargai hasrat Perdana Menteri mengangkat pencapaian pelajar Melayu, tetapi dengan melaksanakan PPSMI semula ia menjadi langkah terkebelakang selepas Kementerian Pendidikan hampir menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

"Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengendalikan semua kursus dalam bahasa Melayu, termasuk bidang perubatan dan sains pada awal tahun 80-an

iGuru menggesa Perdana Menteri ambil kira kegagalan PPSMI dan mencari langkah terbaik pastikan murid kuasai bahasa Inggeris dengan pendekatan lebih berkesan dan produktif.

Mohd Azizee Hasan,
Presiden iGuru

Subjek Sains, Matematik dalam bahasa Inggeris

"Geografi dan Sejarah boleh datang (dipelajari) dalam mana-mana bahasa tetapi bahasa digunakan dalam bidang Matematik dan Sains bukan bahasa ibunda kita. Kebanyakannya dalam bahasa Inggeris. Jadi, kita akan guna bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik."

Tan Dr Mahathir Mohamed,
Perdana Menteri

Muka 2

Keratan akhbar BH semalam.

dan 90-an lalu," katanya.

Mohd Azizi berkata, GENIUS bersama majoriti guru dan ahli akademik memohon agar dasar berkenaan dipertimbangkan pelaksanaan kerana ia sudah terbukti gagal apabila dilaksanakan pada 2003 hingga 2012.

"Dalam keadaan negara yang tidak ketentuan dari segi politik, ekonomi dan sosial hari ini, lebih baik kerajaan memberi fokus pada soal memulihkan ekonomi, menstabil keadaan politik dan sosial daripada memperkenalkan satu dasar yang tidak dipersetujui ramai dan merugikan.

"Kita juga tidak mahu Kementerian Pendidikan melaksanakan PPSMI ini secara terpaksa dan apabila Dr Mahathir bersara ia dimansuhkan semula sekali lagi. Tentunya perbelanjaan, tenaga dan masa akan terbuang begitu sahaja," katanya.

Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor, Mohd Najwan Halimi, menegaskan langkah mengembalikan dasar PPSMI itu tidak termasuk dalam manifesto Pakatan Harapan (PH).

"Jemaah Menteri bertanggungjawab menggesa perkara utama dalam usaha reformasi dilakukan dan bukan kembali kepada dasar lama kerajaan lama.

"Antara kajian segera perlu dilakukan dan mencapai persetujuan bersama adalah seperti pengukuhan Dasar Pendidikan Ke-

bangsaan serta sekolah kebangsaan satu aliran yang perlu mengajar bahasa Kebangsaan dan bahasa ibunda seperti bahasa Cina, Tamil dan lain-lain," katanya.

Mohd Najwan berkata, kerajaan wajar mengambil ketetapan bahawa semua dasar utama perlu melalui perbincangan menerusi mesyuarat Kabinet sebelum dikemukakan kepada umum.

Ketua Pemuda PAS, Khairil Nizam Khirudin, berkata pergerakan itu menolak dasar PPSMI tetapi bersetuju dengan usaha Kementerian Pendidikan mahu memperkasakan bahasa Inggeris.

Katanya, jika kerajaan mahu memperkasakan penggunaan bahasa Inggeris, maka silibus itu perlu dikaji semula dan pada masa sama kerajaan perlu memperkasakan kemudahan dan prasarana untuk pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran itu.

"Dalam isu ini, Perdana Menteri mahu penggunaan bahasa Inggeris diperluaskan dan rakyat boleh berbicara dalam bahasa itu. Justeru itu, perkara prasarana sekolah luar bandar kerana cara belajar kini melalui internet, kerajaan kena sediakan jalur lebar di sekolah luar bandar.

"Kedua, peluang untuk kerajaan menunaikan janji manifesto menambah satu juta peluang pekerjaan dengan menyediakan lebih ramai guru bahasa Inggeris, terutama di luar bandar," katanya.